

**TRANSFORMASI SISTEM ADAT DAN KEHAKIMAN MURUT SEWAKTU
PEMERINTAHAN SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH**

***TRANSFORMATION OF THE MURUT CUSTOMARY AND JUDICIAL SYSTEM
DURING THE GOVERNANCE OF THE BRITISH NORTH BORNEO COMPANY***

Eddie A. Julius*
Danny Wong Tze Ken**
Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Sistem adat peribumi di Borneo Utara iaitu melibatkan adat bagi komuniti Murut serta Dusun telah dikumpulkan dan disusun oleh pegawai Syarikat Borneo Utara British - SBUB (selepas ini disebut sebagai Syarikat atau kerajaan) sekitar tahun 1907-1908. Kemudiannya apabila menumpukan khusus kepada perkembangan adat Murut pula, ia telah diklasifikasikan kepada beberapa undang-undang adat utama dalam rekod rasmi kerajaan pada tahun 1917-1918. Perkembangan lanjut memperlihatkan undang-undang adat Murut telah dimasukkan sebagai bab buku dalam *The Pagans of North Borneo* oleh Owen Rutter yang diterbitkan pada tahun 1929. Aspek transformasi dan modenisasi sistem adat Murut lebih jelas lagi apabila buku adat Murut bagi suku Timogun di Tenom dan suku Nabai di Keningau telah diterbitkan pada tahun 1939 atas inisiatif oleh G.C. Woolley. Seterusnya, fungsi adat Murut sememangnya amat meluas sebagai rujukan undang-undang dalam tatacara penghakiman komuniti Murut, iaitu sama ada di peringkat Mahkamah Ketua Kampung mahupun Mahkamah Anak Negeri (M.A.N.). Kebiasaannya, pemutusan kes perbicaraan bagi masyarakat Murut adalah melibatkan jenis hukuman atau denda yang berbentuk 'sagit' atau 'basah'. Justeru perkaitan antara undang-undang adat Murut dengan perkembangan sistem kehakiman Murut merupakan tumpuan dalam kajian ini. Selain itu, kajian sejarah naratif ini memaparkan peranan para pegawai Syarikat dengan bantuan pemimpin Murut dalam mentransformasikan undang-undang adat Murut daripada bentuknya yang bersifat tradisional kepada bercirikan moden. Manakala pengendalian sesi penghakiman secara sistematik oleh pegawai kerajaan dan pemimpin Murut adalah antara ciri modenisasi dalam sistem kehakiman Murut. Selanjutnya, kajian historiografi ini adalah bersifat kualitatif dan deskriptif serta dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan arkib. Teknik kritis terhadap sumber sejarah merangkumi dokumen primer seperti *The British North Borneo Herald (BNBH)* dan *North Borneo Secretariat File (NBSF)* serta sumber sekunder dalam bentuk buku dan artikel telah dilakukan demi mencapai objektiviti sejarah dalam kajian ini. Skop kajian pula tertumpu kepada perkembangan sistem adat dan kehakiman Murut ketika pemerintahan pihak Syarikat.

Kata kunci: Undang-undang Adat, Murut, G.C. Woolley, Mahkamah Anak Negeri (M.A.N.), Perbicaraan

Abstract

The indigenous customary system in North Borneo, which involves the customs of the Murut and Dusun communities, was collected and organized by the officers of the British North Borneo Company - BNBC (hereinafter referred to as the Company or government) around the

*years 1907-1908. Later, when focusing specifically on the development of Murut customs, they were classified into several main customary laws in the official government records in 1917-1918. Further developments show that the Murut customary laws were included as a chapter in the book *The Pagans of North Borneo* by Owen Rutter, published in 1929. The aspects of transformation and modernization of the Murut customary system became even clearer when the Murut customary books for the Timogun tribe in Tenom and the Nabai tribe in Keningau were published in 1939 at the initiative of G.C. Woolley. Next, the function of Murut customs is indeed very extensive as a legal reference in the adjudication procedures of the Murut community, whether at the level of the Village Court or the Native Court. Usually, the resolution of trial cases for the Murut community involves types of punishment or fines in the form of 'sagit' or 'basah'. Therefore, the relationship between Murut customary law and the development of the Murut judicial system is the focus of this study. In addition, this narrative historical study highlights the role of Company officers, with the assistance of Murut leaders, in transforming Murut customary law from its traditional form to a modern character. Meanwhile, the systematic conduct of judgment sessions by government officials and Murut leaders is among the features of modernization in the Murut judicial system. Furthermore, this historiographical study is qualitative and descriptive in nature and is conducted through library and archival methods. Critical techniques towards historical sources include primary documents such as *The British North Borneo Herald (BNBH)* and the *North Borneo Secretariat File (NBSF)*, as well as secondary sources in the form of books and articles, which have been utilized to achieve historical objectivity in this study. The scope of the study focuses on the development of the Murut customary and judicial system during the Company's administration.*

Keywords: Customary law, Murut, G.C. Woolley, Native Court, Trial

Pengenalan

Adat adalah merupakan peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).¹ Sewaktu pemerintahan pihak Syarikat di Borneo Utara (dikenali sebagai Sabah selepas tahun 1963)² iaitu dari tahun 1881 sehingga 1963, sistem adat tradisional telah berkembang serta agak sebatu dalam komuniti dan masyarakat³ peribumi. Sistem adat peribumi di Borneo Utara adalah terdiri daripada dua kategori iaitu adat bagi masyarakat bukan Islam dan adat bagi masyarakat Islam.

Sistem adat bercirikan tradisional bagi masyarakat peribumi telah melalui transformasi mahupun pemodenan yang amat ketara ketika era pentadbiran pihak Syarikat.⁴ Perubahan sistem adat yang bersifat tradisional kepada bercirikan moden berlaku melalui proses pengkodifikasian adat, pendokumentasian adat dalam bentuk laporan rasmi kerajaan dan penerbitan buku adat atas inisiatif para pegawai Syarikat dengan bantuan para pemimpin dan informan peribumi. Menyentuh sistem adat Murut pula, ia sememangnya berfungsi sebagai rujukan undang-undang di M.A.N. dalam proses penghakiman melibatkan komuniti Murut. Meskipun undang-undang sivil kerajaan telah berkuat kuasa ketika pemerintahan Syarikat, namun undang-undang adat Murut telah diiktiraf sebagai panduan dan asas penghakiman di Mahkamah Ketua Kampung dan M.A.N.

Transformasi Sistem Adat Murut di Borneo Utara Sewaktu Pentadbiran Syarikat

Sistem adat tradisional masyarakat peribumi di Borneo Utara telah berkembang secara turun temurun dan umumnya adalah bertunjangkan kepada kaedah lisan, ingatan, pemerhatian mahupun pengalaman. Pihak Syarikat mendapati bahawa sistem adat peribumi yang ingin dihormati dan diiktiraf seperti mana termaktub dalam Piagam Diraja, 1881 masih belum didokumentasikan secara bertulis. Ini dinyatakan sebegini;

“Amongst the Dusuns and other aboriginal tribes the laws and customs, which by the Royal Charter the Government of the British North Borneo Company is bound to recognise and respect, are very vague and of course unwritten, the aborigines having no written characters.”⁵

Sementara itu, adat sangat bergantung keberkesannya kepada penerimaan sejagat dalam masyarakat, kekuatan pendapat awam dan sikap umum terhadap seseorang yang melanggar norma yang diterima serta kerentanan individu terhadap perasaan hormat kepada individu lain.⁶ Seterusnya, dalam pengendalian sesi perbicaraan melibatkan peribumi Murut, ia sememangnya tidak sempurna tanpa adanya adat suku yang digunakan sebagai pemutus dalam menyelesaikan kes-kes perbicaraan sama ada di Mahkamah Ketua Kampung ataupun M.A.N. Jelasnya, undang-undang adat Murut telah menjadi teras perundangan dan kehakiman bersifat tradisional mahupun moden yang lazimnya diterima, dihormati serta diamalkan oleh para pemimpin dan komuniti Murut.

Peranan pemimpin tradisional sama ada ketua suku mahupun Orang Tua (O.T.) bukan sahaja dalam bidang kepimpinan malahan meliputi aspek kehakiman peribumi. Dalam situasi ini, institusi kehakiman tradisional peribumi adalah berada di bawah tanggungjawab para pemimpin peribumi yang mewakili suku masing-masing. Diungkapkan tentang perkara ini, “*in the interior, amongst the aborigines, justice is administered by the old men or tuahs, according to the ancient customs of each tribe*”.⁷

Sesungguhnya adat amat memainkan fungsi signifikan dalam kehidupan masyarakat peribumi di Borneo Utara. Seperti yang diperkatakan ini,

“The institutions of the longhouse headmen, formally appointed, and the longhouse council, informally constituted, served as the temporal forces for the running of society, while religion and adat became the metaphysical and tradition-bound forces which sanctioned, legitimized and regulated social relations and behavior.”⁸

Dalam ruang lingkup kehakiman tradisional Murut, sistem adat berkembang dengan pelbagai variasi kandungan peraturan atau undang-undangnya. Hukuman atau denda yang dikenakan sama ada *sagit* (denda atau hukuman dalam bentuk barangan atau wang tunai) dan *basah* (upacara korban darah haiwan ternakan seperti ayam, kerbau dan khinzir) adalah turut berlainan kadar nilainya untuk kes yang hampir sama disebabkan kepada perbezaan amalan adat suku mengikut kawasan tertentu. Perbezaan sistem adat dalam suku-suku Murut membawa kesukaran pelaksanaan proses keadilan di mahkamah peribumi apabila melibatkan komuniti Murut yang berlainan suku serta dari kawasan yang berbeza. Dalam keadaan ini,

keberkesanan proses kehakiman Murut bergantung sepenuhnya kepada keupayaan dan keputusan para pemimpin suku di kawasan masing-masing.

Tidak seperti mana undang-undang adat moden, pengamalan sistem adat secara tradisional dilihat menimbulkan beberapa permasalahan. Keadaan berpunca daripada keraguan terhadap keputusan perbicaraan dan penghakiman yang berat sebelah, hukuman yang tidak konsisten bagi kes-kes serupa serta nilai denda atau *sagit* yang berbeza bagi setiap kesalahan dalam kategori yang sama. Mengenai hal ini, perbicaraan sesuatu kes mengikut sistem adat konvensional dilihat menimbulkan bias kerana hukuman terhadap pelanggaran adat dapat ditentukan sendiri oleh individu yang terbabit. Sesuatu kes juga akan dipengaruhi perbicaraannya mengikut kepada merit iaitu berdasarkan kedudukan atau kekayaan seseorang pesalah. Selain itu, timbul juga pelbagai variasi tafsiran terhadap sesuatu kod dalam adat, sehinggakan perkampungan yang bersebelahan atau berdekatan juga menunjukkan beberapa unsur perbezaan ke atas pandangan bagi kod adat yang sama apabila diguna pakai untuk sesuatu kes yang dibicarakan.⁹ Isu-isu ini merupakan antara kelemahan yang wujud dalam proses perbicaraan dan penghakiman sesuatu kes berlandaskan kepada amalan sistem adat bercirikan tradisional.

Namun transformasi dalam sistem adat peribumi yang melibatkan adat Murut dan Dusun¹⁰ khususnya di Residen Pedalaman telah berlaku sekitar tahun 1906 sehingga 1907.¹¹ Ini bermula apabila terdapat cadangan yang disuarakan oleh kalangan pemimpin suku di Keningau kepada pegawai kerajaan untuk menulis dan merekodkan perkara-perkara berkaitan sistem adat mereka. Ia bertujuan agar penghakiman di mahkamah peribumi adalah selaras mengikut sistem adat yang telah ditulis untuk diguna pakai oleh kalangan pemimpin suku di Residen Pedalaman. Cadangan para ketua peribumi ini disambut baik oleh F.W. Fraser¹² yang ketika itu merupakan Residen Pedalaman. Fraser kemudiannya telah mengambil inisiatif dalam mengumpul, menyusun dan merekodkan sistem adat peribumi yang meliputi beberapa perkara utama sebagai panduan yang seragam dalam pengendalian sistem kehakiman peribumi bagi mahkamah peribumi di daerah Keningau, Tenom dan Tambunan.¹³

Berhubung kait dengan sistem adat peribumi terutamanya di Residen Pedalaman yang telah direkodkan oleh Fraser, perkara utama adalah merangkumi adat perkahwinan, perceraian, perzinaan, kesalahan menyebabkan kecederaan terhadap individu lain, kecurian kecil di kebun atau ladang dan pergaduhan yang berlaku di kawasan perkampungan.¹⁴ Namun begitu, sistem adat yang telah disusun dan direkodkan ini “...*did not receive support from the Judicial Commissioner, the government’s main legal expert who ‘condemned these rules from a legal point of view’.*”¹⁵ Sistem adat yang telah disusun dan direkodkan hanya dicetak dalam Pekeliling 1482/07 yang bertujuan sebagai panduan kepada para pegawai dalam memutuskan mana-mana kes di mahkamah peribumi bagi kes di peringkat rayuan atau semakan.¹⁶

Pada tahun 1917 sehingga 1918 pula, proses pengkodifikasian undang-undang adat peribumi Murut dan Dusun di kawasan pedalaman telah dilaksanakan semula oleh pegawai kerajaan mengikut daerah yang dipertanggungjawabkan. Ini merupakan kesinambungan usaha awal yang dilakukan oleh para pegawai Syarikat pada tahun 1906/1907. Mengambil penjelasan oleh Danny Wong Tze Ken, iaitu:

“The 1917 attempt, which lasted into 1918, focused on the more salient points in Dusun and Murut law and customs, including the law of inheritance. The idea was to codify the customs as it was believed that

such effort will be of great help to district officers. Like the 1907 attempt, the new effort did not differentiate between (or provide for) the various tribes and sub-tribes of the two main ethnic group. Instead, the natives were conveniently grouped as non-Mohammedan natives.”¹⁷

Undang-undang adat yang dikumpul dan disusun oleh pegawai kerajaan ini telah dapat memperincikan beberapa perkara utama dalam sistem adat peribumi dari kawasan yang berbeza di setiap daerah. Seperti mana dinyatakan oleh Danny Wong lagi yang bernada berikut:

“As a result of this exercise, an entire of native customs from the different districts were collected. Some were done meticulously where differences in practice by people from different localities within the same district were highlighted. Others were less complete probably reflecting the attitude of some of the officers who were less enthusiastic about the entire exercise.”¹⁸

Usaha pihak kerajaan melalui para pegawainya dalam menyusun dan mengharmonikan sistem adat peribumi adalah bermatlamat untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kepada kalangan pegawai kerajaan dalam pengendalian sistem keadilan dan kehakiman yang berlangsung di M.A.N. Secara terperinci, ia sebenarnya mempunyai objektif bagi memastikan hukuman atau denda bagi sebarang kesalahan yang termaktub dalam sistem adat adalah konsisten penghakimannya di setiap daerah. Tambahan lagi, ia sebagai garis panduan yang memberikan ruang kepada pegawai kerajaan di bawah Ordinan Pentadbiran Kampung agar mempunyai kuasa untuk menyemak atau melakukan rayuan ke atas hukuman yang dijatuhkan berdasarkan undang-undang adat.¹⁹

Melalui Surat Setiausaha Kerajaan kepada Para Residen pada tahun 1918 menyatakan lanjut:

“The intention is to codify and harmonise, as far as possible, the penalties for breaches of Native custom throughout the Territory in order to secure consistent punishment of offences in all Districts and to give officers who, under Village Administration Ordinance, are given powers of revision or appeal a rough guiding line as to the penalty to be inflicted. For the guidance of the Committee, it would advisable for officers to add where penalties are payable in kind an alternative penalty, approved by Chiefs, in money or imprisonment in order that the Committee have a co-ordinating factor of value between Districts.”²⁰

Berdasarkan petikan ini, aspek transformasi dalam sistem adat dapat dilihat melalui keputusan pihak Syarikat untuk melakukan penyeragaman bagi bentuk hukuman melibatkan sebarang kesalahan yang hampir sama di kesemua daerah. Sebenarnya, proses campur tangan pegawai Syarikat ini dalam aspek perbicaraan dan penghakiman peribumi adalah di bawah kuasa yang telah termaktub dalam Ordinan Pentadbiran Kampung. Akan tetapi para pegawai kerajaan dinasihatkan agar menggunakan proses budi bicara bagi perkara penggantian bayaran denda atau hukuman penjara atas kesalahan tertentu dengan menerima kaedah alternatif seperti dalam bentuk barangan melalui pengesahan para ketua peribumi. Bagaimana pun, komuniti peribumi tidak berhak mencampuri atau terlibat secara langsung dalam aspek memansuhkan sebarang adat dengan melibatkan pegawai kerajaan melainkan melalui perbincangan teliti di dalam Majlis Daerah.²¹

Pengkodifikasian sistem adat peribumi di Residensi Pedalaman telah disempurnakan oleh beberapa pegawai kerajaan termasuklah H.P. Newall, C.R. Smith, C.F. Skinner, H.M. Ince dan E.G. Grant bagi daerah pentadbiran masing-masing. Seseengah perkara dalam sistem adat ini telah diberikan catatan tambahan oleh H.W.L. Bunbury (Residen Pedalaman).²² Mengenai sistem adat bagi masyarakat peribumi (bukan Islam) di Borneo Utara yang telah siap didokumentasikan pada tahun 1918 dalam bentuk rekod rasmi kerajaan, bidang kuasa kehakiman peribumi yang berteraskan undang-undang adat adalah terbahagi kepada 14 perkara utama. Ia merangkumi aspek-aspek yang tertera:

- i. Pertunangan
- ii. Perkahwinan (termasuk perkahwinan isteri kedua dan seterusnya)
- iii. Perceraian
- iv. Perzinaan (sama ada dilakukan oleh individu berkahwin atau dilakukan oleh individu belum berkahwin)
- v. Tingkah laku lucah (sama ada dilakukan oleh individu berkahwin atau dilakukan oleh individu belum berkahwin)
- vi. Perlakuan sumbang (sama ada dilakukan oleh individu berkahwin atau dilakukan oleh individu belum berkahwin)
- vii. Pengambilan anak angkat dan hak anak angkat dalam keluarga angkat
- viii. Anak luar nikah
- ix. Kesalahan kecil individu atau penduduk kampung (serangan, penghinaan dan sumpah)
- x. Hak milik pemegangan dan pewarisan harta (harta alih, harta tak alih dan harta keluarga serta komunal)
- xi. Pengebumian dan penggalian kubur
- xii. Pencerobohan (kerusakan oleh haiwan ternakan iaitu lembu, kerbau atau khinzir ke atas kawasan padi dan kebun)
- xiii. Pencerobohan (umum)
- xiv. Perkara umum.²³

Kemudiannya aspek undang-undang adat peribumi mengalami sekali lagi pembaharuan daripada berbentuk laporan atau dokumen rasmi kerajaan kepada terbitan buku. Buku *The Pagans Of North Borneo* yang diterbitkan pada tahun 1929 mengandungi penghuraian tentang sistem adat masyarakat peribumi bukan Islam. Sistem adat peribumi dalam buku ini ditulis oleh Owen Rutter dengan kerjasama oleh A.B.C. Francis yang berdasarkan rujukan kepada undang-undang adat yang telah dikodifikasi pada tahun 1917/1918.²⁴ Undang-undang adat dalam buku ini dihuraikan melalui *Chapter IX: Pagan Law*. Bagi undang-undang adat masyarakat Murut dan Dusun, ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kesalahan melibatkan individu, kesalahan membabitkan masyarakat dan kesalahan melibatkan harta benda.²⁵

Perkembangan lanjut berkaitan sistem adat masyarakat peribumi ketika pentadbiran Syarikat memperlihatkan usaha prolifik oleh G.C. Woolley²⁶ yang telah menerbitkan buku berkaitan sistem adat masyarakat peribumi di Borneo Utara. Ia dikenali sebagai Buletin Hal Ehwal Peribumi (*Natives Affairs Bulletins*) yang diterbitkan sekitar tahun 1936 sehingga 1939. Daripada keseluruhan enam buah buku adat peribumi yang telah diterbitkan, terdapat dua buah buku mendeskripsikan sistem adat Murut. Kedua-dua buku adat Murut yang diterbitkan pada tahun 1939 ini ialah:

- i. The Timoguns: A Murut Tribe in Interior, North Borneo.

- ii. Murut Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Nabai Tribe of Keningau and the Timogun Tribe of Tenom.²⁷

Buku undang-undang adat Murut oleh Woolley yang berjudul *The Timogun Muruts of Sabah* menghuraikan sistem adat suku Timogun yang mengandungi sebanyak 13 perkara adat. Adat-adat Timogun ini merangkumi;

- i. Perkahwinan dan poligami
- ii. Pertunangan
- iii. Brian (*penulut, purut*) dan *undok*
- iv. Upacara perkahwinan
- v. Adat kelahiran
- vi. Nama
- vii. Pengasahan atau pemotongan gigi (*nagasaan*)
- viii. Kematian, pengebumian dan perkabungan
- ix. Pengorbanan manusia
- x. Adat bertani
- xi. Penangkapan ikan dan pemburuan
- xii. Serangan persengketaan, 'Daun Silad' dan latihan penggunaan senjata
- xiii. Makanan dan menu hidangan.²⁸

Selain merujuk kepada buku *The Pagans of North Borneo* yang ditulis oleh Owen Rutter, Woolley telah mendapatkan kebanyakan maklumat tentang adat suku Timogun daripada kalangan peribumi dan pemimpin suku Timogun. Maklumat adat Timogun ini diperoleh terutamanya daripada Inspektor Dualis yang merupakan anggota polis kerajaan, O.T. (Orang Tua) Langitan dari Tenom, O.T. Agurun dari Kg. Polong, O.T. Rasamun dari Kg. Tuan, Agilon dari Kg. Lagud serta beberapa pemimpin yang lain.²⁹

Manakala buku undang-undang adat Murut yang disusun oleh Woolley bertajuk *Murut Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Nabai Tribe of Keningau and the Timogun Tribe of Tenom* memperincikan tentang dua perkara adat bagi suku Nabai dan Timogun iaitu pesaka (harta yang diwarisi) dan pencarian (harta yang diperolehi). Bagi adat suku Nabai iaitu berkaitan perkara Pesaka, ia telah dikumpulkan dan disusun oleh Woolley melalui maklumat yang diberikan oleh beberapa pemimpin Nabai. Kalangan mereka yang telah membantu memberikan maklumat adat Nabai kepada Woolley ialah O.T. Jarau (K.A.N. dari Kg. Dangulad), O.T. Juani (K.K. Kg. Keningau), O.T. Dipal (K.K. Kg. Limbawan), Tiasan (mantan K.A.N. dari Kg. Kadalakan) dan Pangkat (mantan K.K. Kg. Limbawan yang sangat arif berkaitan dengan Adat Nabai).³⁰

Penerbitan buku undang-undang adat suku Nabai dan Timogun³¹ jelas menunjukkan berlakunya proses transformasi sistem adat Murut. Spesifiknya, ia mengalami pembaharuan daripada amalan tradisionalnya secara kaedah ingatan, lisan, pengamatan dan pengalaman kepada pendokumentasian secara bertulis. Pendokumentasian undang-undang adat Murut mencerminkan standard perundangan peribumi Murut yang lebih autentik. Dalam hal ini, proses perbicaraan di M.A.N. yang dikendalikan khususnya oleh majistret peribumi Murut dengan pemantauan mahupun nasihat penghakiman daripada pegawai kerajaan dapat diputuskan secara konsisten dan bersifat legitimasi. Keseragaman bentuk hukuman juga sekurang-kurangnya dapat dilaksanakan bagi penghakiman sesuatu kes yang sama mengikut kod yang terdapat dalam undang-undang adat Murut yang telah direkodkan.

Sistem Kehakiman Peribumi di Borneo Utara

Transformasi bagi amalan kepimpinan tradisional dalam kalangan pemimpin peribumi mulai ketara pada tahun 1891. Ini melalui Proklamasi Pentadbiran Kampung, 1891 oleh pihak Syarikat yang mengukuhkan kedudukan para pemimpin peribumi mengikut perincian bidang tugas dan kuasa masing-masing.³² Seterusnya bidang kuasa para pemimpin peribumi yang juga lebih dikenali sebagai Orang Tua (O.T.) atau Ketua Kampung (K.K.) dan ketua suku atau Ketua Anak Negeri (K.A.N.)³³ dalam sistem kehakiman peribumi pula telah diperkukuhkan oleh pihak Syarikat melalui Peraturan Pentadbiran Kampung XIV, 1903.³⁴ Berdasarkan Peraturan Pentadbiran Kampung 1903 telah menyatakan peranan para ketua peribumi yang mempunyai kuasa untuk membicarakan kes-kes kesalahan melibatkan peribumi di mahkamah peribumi mengikut kepada undang-undang adat sedia ada.³⁵

Perkembangan selanjutnya memperlihatkan pihak kerajaan mula menerapkan sistem kehakiman yang lebih teratur dan moden bagi pemimpin dan komuniti peribumi di Borneo Utara. Buktinya ialah dengan pewujudan Mahkamah Anak Negeri (M.A.N.) melalui Seksyen 10, Ordinan Pentadbiran Kampung, No. 5, 1913, iaitu dengan memperuntukkan bidang kuasa M.A.N. untuk menghakimi “*on all actions arising exclusively from the breach of laws and customs (religious, sexual, or general) of the natives of the District*”³⁶

Fungsi M.A.N. adalah bertanggungjawab terhadap kes-kes yang membabitkan masyarakat peribumi di peringkat daerah.³⁷ Mahkamah ini bersidang sebagai mahkamah undang-undang, tetapi peranannya turut bersifat separuh pentadbiran (*quasi-administrative*). Dalam hal ini, dua atau lebih K.K. dan K.A.N. hendaklah bersidang secara bersama di M.A.N.³⁸ Bidang kuasa institusi M.A.N. pula meliputi kes yang timbul akibat daripada pelanggaran terhadap undang-undang adat peribumi di daerah masing-masing dengan kedua-dua pihak yang menghadapi perbicaraan adalah merupakan komuniti peribumi.³⁹ Institusi kehakiman peribumi khususnya merujuk kepada M.A.N. adalah asasnya bersidang dengan dihadiri oleh tiga pemimpin peribumi iaitu melibatkan K.K. dan K.A.N. Sepertimana diterangkan oleh Owen Rutter, iaitu:

“...there is the excellent institution of the native court for the purpose of trying cases in which questions of native customs are involved. It consists of not less than three recognized chiefs with the powers of a third-class magistrate’s court and may hear cases concerning marriage, intermarriage, breach of promise, divorce, adultery and breach of local custom generally.”⁴⁰

Bidang kuasa pemimpin peribumi dalam sesi bicara dan penghakiman kebiasaannya adalah melibatkan kes-kes adat peribumi seperti dalam perkara perkahwinan, pewarisan dan jenayah. Namun demikian, para pemimpin peribumi bukan sahaja menggalas tanggungjawab sebagai hakim malahan berperanan sebagai penyiasat, saksi dan penilai bagi kes-kes adat tersebut.⁴¹ Manakala institusi pengadilan masyarakat peribumi yang dilaksanakan pada peringkat kampung adalah dikenali sebagai Mahkamah Ketua Kampung yang menduduki hierarki paling bawah dalam sistem kehakiman moden di Borneo Utara. Para K.K. yang dilantik sebagai majistret di mahkamah ini mempunyai kuasa yang terhad serta hanya


menguruskan kes-kes kecil melibatkan peribumi di peringkat kampung. Bidang kuasa majistret peribumi di Mahkamah Ketua Kampung adalah terbatas kepada hukuman yang tidak melebihi sebulan penjara serta denda tidak melebihi 25 dolar.⁴²

Dari segi pengamalan kehakiman di M.A.N., berlaku juga situasi membabitkan perbicaraan dan penghakiman anak negeri yang diputuskan mengikut kepada undang-undang jenayah sivil. Sebagai contohnya ialah kes-kes perbicaraan melibatkan pihak yang berlainan kaum serta kes-kes melibatkan perzinaan (Kanun Keseksaan, 497) dan penghinaan (Kanun Keseksaan, 509). Perbicaraan ini memerlukan kehadiran bukan sahaja oleh K.K. dan K.A.N., malahan memerlukan penelitian dan penghakiman oleh majistret Eropah atau Pegawai Daerah dengan nasihat daripada Residen.⁴³ Sekiranya diamati, proses kehakiman peribumi yang diaplikasikan ini adalah dalam bentuk kaedah campuran iaitu melibatkan majistret peribumi dan majistret Eropah. Walaupun perbicaraan diadakan di M.A.N namun bagi kes-kes tertentu adalah berpandukan kepada undang-undang kerajaan.

Selepas Perang Dunia Kedua, sistem tadbir urus di M.A.N. semakin berkembang secara sistematik melalui penggubalan Ordinan Mahkamah Anak Negeri 1953.⁴⁴ Pengurusan dan pengendalian M.A.N. adalah ditadbir oleh pemimpin peribumi yang mahir dengan undang-undang adat dalam memastikan keutuhan undang-undang adat terjaga dan bertambah kukuh.⁴⁵

Di sini dapat dirumuskan tentang komponen pengoperasian bagi sistem perundangan dan kehakiman Murut seperti dalam Carta 1.

Carta 1: Sistem Perundangan dan Kehakiman Murut Sewaktu Era Pemerintahan Syarikat Borneo Utara British



Modenisasi Tatacara Perbicaraan dan Penghakiman Murut

Amalan perbicaraan dan pengadilan tradisional Murut seperti mana melibatkan khususnya suku Timogun adalah jelas mempunyai ciri-cirinya yang tertentu. Di antaranya ialah sekiranya kedua-dua pihak yang diadili berasal dari kampung yang sama, maka sesi perbicaraan akan dilakukan oleh ketua peribumi di kampung mereka. Tetapi sekiranya pihak yang mempunyai kes adalah berasal dari kampung yang berlainan, maka proses pengadilan akan dilangsungkan oleh para ketua peribumi di satu tempat yang neutral, iaitu sama ada di suatu kawasan atau tempat yang terletak di antara kedua-dua kampung bagi pihak yang dibicarakan ataupun di rumah pihak ketiga yang dianggap bersesuaian. Ketua peribumi pula akan mengendalikan sidang bicara mengikut sistem adat dan menetapkan hukuman denda mahupun pampasan sama ada berbentuk *sagit*⁴⁶ atau *basah*.⁴⁷

Pemimpin suku Timogun sememangnya memainkan peranan penting dalam sesi perbicaraan melibatkan komuniti mereka. Sebagai contohnya, pada tahun 1885 terdapat satu perbicaraan berkaitan kes pertelingkahan melibatkan seorang individu Murut di Ilagood yang diancam bunuh oleh penduduk kampung tersebut kerana memberikan perlindungan dan tempat tinggal kepada seorang pedagang dari kawasan lain yang bernama Karap dari hulu Pegalan. Dalam kes ini, ketua suku Timogun iaitu Maharajah Oban dan O.T. Mungtidong yang bertindak sebagai wakil pegawai kerajaan telah bertanggungjawab untuk menyelesaikan kes pertelingkahan ini.⁴⁸

Selanjutnya, sistem adat Murut adalah merupakan teras undang-undang yang diguna pakai dalam sesi pengadilan melibatkan komuniti Murut. Sebagaimana kes perbicaraan suku Tengara di Kinabatangan pada tahun 1886 iaitu antara Sampun dan Ankanoi. Kes ini berpunca daripada isu perebutan hak pemilikan dan pembahagian keuntungan bagi hasil pemungutan sarang burung di Gua Obang-Obang. Dalam kes perbicaraan ini, Ankanoi meminta bayaran mengikut sistem adat iaitu sebuah gong Brunei. Namun, Sampun tidak mempunyai barangan yang diminta dan pegawai kerajaan memutuskan untuk digantikan dengan kayu kapur (*camphor*) setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.⁴⁹ Perbicaraan kes ini telah dikendalikan oleh majistret Eropah dengan penyelesaiannya adalah mengikut kepada sistem adat Murut.

Terdapat satu lagi contoh kes dalam sesi perbicaraan mengikut adat Murut yang melibatkan suku Tengara. Sesi perbicaraan ini ialah antara Ankanoi dengan Lason yang turut disaksikan hampir 30 komuniti Tengara. Kes ini sebenarnya adalah berkaitan dengan dakwaan perzinaan. Pihak tertuduh yang didakwa melakukan kes zina terhadap isteri pihak pendakwa diminta agar membayar pampasan dalam bentuk kain sarung baru serta pakaian tenunan. Bagaimanapun, pampasan ini digantikan dengan kain tenunan biru yang diberikan oleh pegawai kerajaan kepada pihak tertuduh disebabkan pihak tertuduh tidak memiliki barangan yang dikehendaki sebagai bayaran pampasan. Proses perbicaraan akhirnya telah mencapai perdamaian di antara kedua-dua pihak dengan mendapat sokongan baik daripada kalangan anggota polis dan komuniti Tengara yang hadir pada sesi perbicaraan tersebut.⁵⁰

Secara umumnya timbul juga kesukaran dalam proses perbicaraan yang melibatkan komuniti di kawasan pedalaman. Ini berkait rapat dengan pola penempatan masyarakat Murut dan Dusun yang bertaburan atau berselerak. Keadaan ini menyebabkan fungsi dan peranan pemimpin peribumi dalam sidang di M.A.N ditangguhkan sehingga wakil komuniti adalah mencukupi dalam sesi bicara serta menetap di dalam sesebuah perkampungan. Dari aspek yang lain pula ialah wujudnya peranan dan keterlibatan oleh Pegawai Daerah dalam menjalankan

sidang kehakiman di M.A.N. Kes yang biasanya dibicarakan dan dihakimi oleh Pegawai Daerah ialah seperti persengketaan suku dengan membabitkan hukuman dalam bentuk bayaran pampasan serta kadangkala melibatkan upacara sumpah perdamaian⁵¹ antara peribumi yang bersengketa. Selain itu, K.K. yang bersidang di M.A.N. pula mendapat tunjuk ajar daripada Pegawai Daerah sehingga mereka mahir mengendalikan sepenuhnya aspek perundangan adat dan sistem kehakiman peribumi.⁵² Misalannya, penubuhan mahkamah peribumi di Tomani dan Rundum pada tahun 1908 jelas menunjukkan peranan pegawai Syarikat dalam sesi perbicaraan Murut. Pada peringkat awalnya, mahkamah peribumi yang diwujudkan ini adalah untuk menyelesaikan kes-kes yang kecil serta masih dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Hal ini sedemikian kerana pihak kerajaan perlu memastikan bahawa setiap pemimpin peribumi dapat menimba pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka dengan lebih baik terlebih dahulu dalam prosedur kehakiman peribumi.⁵³

Sesungguhnya, aspek yang jelas dalam sistem kehakiman Murut ketika pemerintahan pihak Syarikat ialah pengendalian secara bersama dalam sesuatu perbicaraan kes iaitu melibatkan peranan pemimpin Murut bersama-sama majistret Eropah (pegawai kerajaan). Sistem kehakiman ini adalah merupakan kaedah penghakiman yang bersifat campuran. Diketengahkan satu contoh kes di kawasan Kinabatangan pada tahun 1886 apabila kuasa pemutus adalah ditetapkan oleh pegawai kerajaan. Pengendalian proses perbicaraan ini melibatkan kes persengketaan lampau yang berlarutan antara Tankoyas (pemimpin Tenggara) dengan Taranong (Dusun Tambanua). Setelah mendengar penghujahan di antara kedua-dua pihak, maka pegawai kerajaan telah bertindak memberikan nasihat kepada pihak yang terlibat dan akhirnya perdamaian telah dicapai sesama mereka.⁵⁴ Sememangnya telah wujud jalinan kerjasama antara pegawai kerajaan dengan pemimpin suku Tenggara dalam proses kehakiman peribumi. Sekitar tahun 1890-an, ketua suku Tenggara di Kuamut iaitu Raja Semporna Numpal yang dikenali dengan gelaran Raja Tenggara (*King of the Tinggarah*)⁵⁵ telah sama-sama menjalankan perbicaraan dan perbincangan dengan pegawai kerajaan untuk menyelesaikan pelbagai kes demi mewujudkan keadilan dan kepuasan bagi pihak-pihak yang terlibat.⁵⁶

Manakala terdapat kes persengketaan yang berlaku antara suku Nabai dan Peluan yang telah diselesaikan sepenuhnya oleh pegawai kerajaan yang bertindak sebagai majistret. Dalam situasi kes yang diputuskan pada tahun 1886 ini, kaedah penyelesaian oleh majistret Eropah adalah mengguna pakai sistem adat. Keputusan perbicaraan dicapai terhadap permintaan peribumi suku Peluan bagi pampasan dalam bentuk beberapa jenis barangan yang merangkumi tajau dan gong daripada O.T. Jeludin yang merupakan pemimpin Nabai di Limbawan.⁵⁷ Selanjutnya, pada tahun 1893 pula terdapat kes melibatkan O.T. Sigoh dari Kampung Mapila yang telah dibicarakan oleh pegawai kerajaan disebabkan kes melakukan tindakan serangan terhadap peribumi di Kampung Talangkai, Sepulut yang menyebabkan kehilangan nyawa seorang wanita. Akhirnya majistret Eropah iaitu J.E.G. Wheatley telah mengenakan hukuman denda sebanyak \$100.00 ke atas O.T. Sigoh.⁵⁸

Pegawai-pegawai Syarikat sememangnya giat aktif dalam proses perbicaraan melibatkan masyarakat Murut. Apatah lagi peranan pegawai Syarikat dalam menyelesaikan kes perbicaraan adat yang bersifat menimbulkan keraguan. Kes perbicaraan berikut diketengahkan sebagai antara isu adat yang dihadapi dan diselesaikan secara terus oleh pegawai Syarikat melibatkan peribumi dari kawasan Dalit, Keningau. Perbicaraan dan penghakiman kes telah dilakukan pada 20 hingga 21 Julai 1893 oleh J.E.G. Wheatley. Dalam kes ini, Mojow berketurunan Dalit (Peluan) dari Kg. Muntadian telah melaporkan dakwaan terhadap Bina dari

Kg. Bungawong kerana telah mengambil isterinya. Rumusan hujahan kes yang dilaporkan oleh Wheatley adalah dipetik:

“It appears that Mojow had divorced his wife and Bina who is married to the elder sister took the younger sister and married her also. Bina states that according to his custom he is allowed to marry two sisters, as some of the principal Dalit chiefs were absent, I adjourned the case to enquire into this strange custom. According to the custom here (Sun Dyaks) and amongst the Dusuns on the coast I know that it is illegal to marry even ones first cousins, if one does marry his first cousins he has to pay sagit (damages) to the country, which is generally a buffalo, but I have never heard of a case of person marrying his sister-in-law and living with the sister as his wife, he must divorce his wife and then marry the sister.”⁵⁹

Peranan pemimpin Murut dalam sistem kehakiman peribumi amatlah signifikan dan diiktiraf oleh pihak kerajaan melalui tanggungjawab utama mereka sebagai majistret. Seperti mana peranan yang digalas oleh ketua peribumi Murut di Keningau iaitu O.K. (Orang Kaya) Banda dan O.T. suku Kwijau iaitu Mantun yang dihadiri bersama oleh majistret daerah iaitu J.E.G. Wheatley untuk memutuskan kes perbicaraan yang diadili pada pertengahan tahun 1893. Persetujuan perbicaraan kes dicapai mengikut kepada sistem adat Murut dengan hukuman denda atau bayaran pampasan dikenali sebagai *sagit* telah dikenakan. Selain itu, upacara penyembelihan haiwan ternakan sebagai simbolik korban ganti darah iaitu dikenali sebagai *basah* turut dilangsungkan. Hukuman dalam kes ini dijatuhkan ke atas individu bernama Mundayak yang menyerang individu lain iaitu Kundahang dengan parang sehingga mengakibatkan kecederaan.⁶⁰

Hukuman *sagit* dan *basah* yang diputuskan mengikut sistem adat Murut dalam pengendalian sesi kehakiman ini adalah seperti berikut:

- | | | |
|-------|---|---|
| i. | Sebuah <i>tawak tawak</i> (sejenis gong) atau seekor kerbau | |
| ii. | Sebuah <i>chempa</i> (sejenis tajau) | |
| iii. | Sebuah <i>balatungan</i> (sejenis tajau) | |
| iv. | Wang tunai sebanyak 12 dolar | |
| v. | Seekor khinzir | } Hukuman <i>basah</i> yang dikenakan bagi
melangsungkan upacara sumpah perdamaian |
| vi. | Sebuah periuk | |
| vii. | Sebuah mangkuk | |
| viii. | Sebilah pedang. ⁶¹ | |

Jika diperhatikan kepada hukuman akibat kesalahan yang membawa kepada kecederaan seseorang, nilai bagi hukuman yang dikenakan mengikut sistem adat adalah dikira agak tinggi berdasarkan nilai bayaran, jumlah barangan berharga serta haiwan ternakan. Ia memberikan perlambangan sebagai satu bentuk pengajaran agar peribumi Murut tidak sewenang-wenangnya melakukan mahupun mengulangi kesalahan yang melanggar sistem adat suku mereka.

Terdapat juga kes yang bukan sahaja dikenakan denda mengikut sistem adat Murut namun bersekali juga dengan hukuman mengikut lunas undang-undang moden. Misalannya kes yang berlaku pada tahun 1909 melibatkan individu suku Tagal dari Bole bernama Kapong yang telah melakukan kesalahan menyerang dengan melepaskan tembakan ke atas sebuah

rumah di Kubu, Padas dan turut memasang perangkap bambu runcing dikenali sebagai 'sudah'. Kes ini menyebabkan seorang peribumi di Kubu tercedera akibat terkena perangkap 'sudah'. Tindakan oleh Kapong disebabkan oleh pertelingkahan masa lalu berkaitan dengan isu pemberian *berian* (hantaran perkahwinan). Kapong telah dikenakan hukuman mengikut sistem adat Tagal iaitu denda sebuah tajau bernilai lima dolar serta seekor anak khinzir. Di samping itu, Kapong turut dikenakan hukuman berdasarkan sistem perundangan moden iaitu penjara selama enam bulan sebagai tambahan kepada denda sistem adat yang telah dikenakan.⁶²

Seterusnya, upacara melafaz sumpah perdamaian adalah merupakan antara elemen dalam tatacara kehakiman Murut bagi menandakan penyelesaian terhadap sesuatu kes perbicaraan yang telah diputuskan. Misalannya, G.C. Woolley sewaktu menjadi Pegawai Daerah Wilayah Clarke telah menyaksikan upacara sumpah melibatkan Ukab dan seorang individu Tagal dari Ulu Padas, Bole yang telah berlangsung pada 07 Ogos 1908 di Merapok.⁶³ Semasa menjadi Residen Pedalaman pula, salah satu kes yang diselesaikan oleh Woolley dan seterusnya menyaksikan upacara sumpah perdamaian Murut ialah yang berlaku pada 16 November 1923 iaitu bagi menyelesaikan kes dakwaan melibatkan cubaan menembak oleh peribumi di Pengalaban.⁶⁴

Manakala peranan para O.T. Murut dalam institusi kehakiman anak negeri sememangnya amat signifikan. Sebagai contohnya pada tahun 1917, pihak kerajaan telah menyenaraikan beberapa O.T. yang memberikan perkhidmatan terbaik serta diamanahkan untuk mengendalikan sidang M.A.N. di daerah Rundum dan Pensiangan. Kalangan mereka ialah seperti Tabor di Menining, Bantagon di Kuala Sibungo, Allab di Sinapari, Ansikol di Semingulu serta Busan dan Kelatong di Pensiangan.⁶⁵

Berkembangnya undang-undang adat bagi masyarakat Murut turut melambangkan penerimaan adat leluhur mereka sebagai tunjang utama dalam sistem keadilan dan kehakiman anak negeri Murut. Undang-undang adat Murut yang direkodkan secara bertulis memangkin proses pengendalian kehakiman Murut yang lebih efektif. Pengamalan sistem adat adalah seiring dengan penguatkuasaan sistem perundangan dan kehakiman kerajaan. Keharmonian pelaksanaan antara sistem adat dengan sistem perundangan moden kerajaan adalah kerana kewujudan M.A.N. yang bertanggungjawab khusus untuk mengendalikan kes-kes melibatkan peribumi mengikut batas undang-undang adat.

Selain itu, sistem adat Murut merupakan kod kehidupan seharian yang berkembang sebagai satu bentuk undang-undang yang harus dipatuhi. Misalannya komuniti Murut yang terlibat dengan kes-kes pelanggaran adat seperti yang membabitkan perzinaan, kesalahan kecil dan hak pemegangan serta pewarisan harta adalah tertakluk kepada undang-undang adat untuk dibicarakan dan dihakimi di Mahkamah Ketua Kampung dan M.A.N. Daerah. Akan tetapi terdapat juga kes perbicaraan melibatkan komuniti Murut yang hanya dapat diselesaikan di peringkat tertinggi iaitu di Mahkamah Anak Negeri Rayuan.

Dipaparkan satu kes pelanggaran adat iaitu berkaitan dengan perzinaan yang dibicarakan di M.A.N. Keningau pada 25 Jun 1923. Kes ini melibatkan individu Murut melalui pengendalian perbicaraan di hadapan pemimpin suku Murut dan Kwijau. Perbicaraan kes perzinaan ini menyaksikan saman pendakwaan oleh Ansgot dari Kg. Sook ke atas individu yang didakwa iaitu Sumbiling (suku Peluan) dari Kg. Malaing yang didakwa melakukan perzinaan dengan Kawaton (isteri Ansgot). Perbicaraan ini melibatkan sebanyak empat orang saksi kes serta dikendalikan oleh beberapa pemimpin peribumi yang terdiri daripada O.K.


Gunsanad, O.T. Ampanit, O.T. Tiasan dan O.T. Jarau. Keputusan perbicaraan yang diambil oleh para pemimpin peribumi ini ialah menamakan Sumbiling sebagai individu yang bersalah dengan denda bayaran sebanyak \$50.00, *sagit* bernilai \$5.00 atau hukuman penjara selama enam bulan. Manakala Kawaton dikenakan denda \$25.00 atau tiga bulan penjara serta *sagit* sebanyak \$5.00. Sabitan berupa bayaran denda dan *sagit* oleh M.A.N. ini telah diterima oleh Ansgot.⁶⁶

Namun demikian, keputusan penghakiman kes ini telah dipanjangkan untuk proses rayuan yang dikemukakan oleh Sumbiling berkaitan pendakwaan ke atas dirinya oleh Ansgot. Proses rayuan terhadap keputusan penghakiman kes dijalankan di M.A.N. daerah Keningau pada 26 Jun 1923 yang didengari di hadapan majistret peribumi iaitu O.T. Tiasan dari Keningau serta O.T. Kandoi dan O.T. Bagat yang kedua-duanya dari Tenom. Dalam penghakiman kes rayuan ini, hukuman bayaran denda yang dijatuhkan oleh M.A.N. Keningau ke atas Kawaton telah ditarik balik oleh majistret peribumi yang bersidang dengan diberikan sokongan oleh Residen Pedalaman.⁶⁷

Bagaimanapun atas beberapa sebab terdapatnya keraguan dalam penghujahan rayuan maka keputusan petisyen rayuan yang ditetapkan di M.A.N. Keningau ini telah dipanjangkan lagi ke peringkat tertinggi iaitu kepada Gabenor melalui syor Pegawai Daerah Keningau dengan sokongan Residen Pedalaman. Ia bagi mengkaji semula keputusan petisyen rayuan melibatkan Sumbiling dan Kawaton yang telah ditetapkan di M.A.N. Keningau oleh majistret peribumi berserta sokongan Residen Pedalaman.⁶⁸ Dalam penghakiman sesuatu kes, walaupun Mahkamah Ketua Kampung dan M.A.N. Daerah yang dikendalikan oleh pemimpin peribumi telah menetapkan keputusan dengan sokongan Pegawai Daerah, namun ia masih dapat dicabar dalam petisyen rayuan kepada Residen. Dalam keputusan rayuan yang telah dijatuhkan oleh majistret peribumi dengan sokongan Residen pula, ia nampaknya masih boleh dikaji untuk semakan semula ke atas keputusan rayuan tersebut sehingga ke peringkat tertinggi dan terakhir iaitu kepada Gabenor iaitu melalui sidang M.A.N. Rayuan. Sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling No. 370 (No. 7, 1937) yang menerangkan “...*appeals from proceedings in the Native Court lie to the District Officer and from him to the Resident with final appeal to the Governor.*”⁶⁹

Untuk itu, berikut ditunjukkan aliran proses perbicaraan dan rayuan kes melibatkan peribumi di M.A.N. seperti tertera dalam Carta 2.

Carta 2: Aliran Prosedur Perbicaraan dan Rayuan Kes M.A.N.



Sumber: Peter R. Phelan, *The Traditional Legal System of Sabah*, Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah, 2003, hlm. 65.

Dalam pada itu, perkara melibatkan perzinaan adalah antara perkara utama yang terangkum dalam sistem adat Murut. Seperti mana dalam undang-undang peribumi di Keningau berkaitan perzinaan yang didokumentasikan pada tahun 1918 dalam bahagian *Native Customs*, Keningau “B”, perkara Perzinaan (a) jelas mengungkapkan kes perzinaan yang dilakukan melibatkan wanita yang telah berkahwin dengan lelaki yang juga telah berkahwin adalah merupakan bukti kukuh yang mengimplicasikan perceraian, tetapi proses tindakan masih dapat dilakukan sama ada dengan atau tanpa berlakunya proses perceraian.⁷⁰

Untuk itu dipaparkan adat melibatkan perkara perzinaan bagi individu yang telah berkahwin yang menyatakan:

“A married woman commits adultery with a married man. The aggrieved husband takes action and the woman is sentenced to a fine of \$50.00, a buffalo as sagit or 6 months imprisonment. \$25.00 of this goes to the correspondent’s wife and \$25.00 to Government. The correspondent is sentenced to \$100.00 and sagit of 1 kerbau or 1 year imprisonment in default. \$50.00 of this goes to plaintiff and \$50.00 to Government: if the plaintiff at once divorce his wife. If he does not do so the \$50.00 award is cancelled.”⁷¹

Mengenai pengendalian sistem kehakiman anak negeri pula telah menyaksikan timbulnya beberapa isu dalam proses perbicaraan di M.A.N. Misalannya terdapat laporan oleh

Pegawai Daerah Keningau pada tahun 1922 yang menyatakan bahawa antara masalah yang timbul semasa proses perbicaraan sesuatu kes di M.A.N. yang terdapat di sekitar daerah Keningau ialah jangka masa prosidingnya yang terlalu lama dan panjang. Hal ini dikaitkan dengan proses merekodkan kes perbicaraan oleh pencatat di M.A.N. yang agak lambat merekodkan atau menulis butiran kes yang dibicarakan. Justeru atas isu yang timbul ini maka telah disyorkan agar proses merekod sesuatu kes perbicaraan ke dalam buku rekod kes seharusnya diringkaskan iaitu hanya mengandungi keterangan kes yang ringkas, nama individu pendakwa dan didakwa serta saksi yang terlibat.⁷² Proses pengemaskinian tatacara merekodkan kes perbicaraan di M.A.N. telah disokong oleh Residen Pedalaman. Saranan dikemukakan agar pengendalian perbicaraan di M.A.N. dicatatkan melalui rekod ringkasan perbicaraan serta sewajarnya perlu diseragamkan di kesemua daerah.⁷³ Penambahbaikan sistem perekodan kes perbicaraan peribumi adalah salah satu modenisasi tadbir urus di M.A.N. Rekod ringkasan perbicaraan sangat meluas pengaplikasiannya di Residen Pantai Barat dan Residen Pedalaman oleh para Pegawai Daerah dan majistret M.A.N. Rekod ringkasan perbicaraan ini telah melicinkan pentadbiran peribumi dalam pelaksanaan sistem kehakiman.

Pihak kerajaan juga telah memberikan kelonggaran kepada para K.K. dalam pengendalian kes kehakiman mereka seperti mana yang berlaku di Pensiangan. Dalam hal ini, para pemimpin peribumi daripada kalangan K.K. di daerah Pensiangan diberikan kuasa di bawah Ordinan Pentadbiran Kampung untuk menyelesaikan beberapa kes-kes kecil tanpa sesi perbicaraan di M.A.N. Akan tetapi, kalangan K.K. di daerah ini dikehendaki untuk melaporkan kepada pihak M.A.N. berhubung dengan kes-kes yang telah diputuskan melalui penyelesaian di luar M.A.N. Kelebihan kuasa yang diberikan kepada para K.K. oleh pihak kerajaan ini disebabkan terdapatnya kalangan peribumi daripada perkampungan yang agak jauh yang telah menghadapi kesukaran untuk menghadirkan diri ke sesi perbicaraan di M.A.N. Pensiangan. Namun begitu, kuasa yang diberikan kepada para K.K. untuk menyelesaikan kes-kes kecil ini adalah tidak termasuk bidang kuasa mengenakan hukuman denda bayaran bagi pihak kerajaan, melainkan hanya berhak memutuskan hukuman denda mengikut sistem adat iaitu *sagit* antara pihak yang terlibat.⁷⁴

Kesimpulan

Sistem adat Murut mengalami ciri pembaharuannya ketika zaman pemerintahan Syarikat. Ia atas inisiatif para pegawai Syarikat termasuklah pemimpin Murut yang memperlihatkan sistem adat Murut telah dikumpulkan, disusun, direkodkan serta diterbitkan. Sistem adat Murut bukan sahaja mengalami transformasi daripada sistem tradisionalnya kepada bercirikan moden, bahkan ia telah menjadi teras perundangan di Mahkamah Anak Negeri (M.A.N.). Walaupun sistem perundangan serta kehakiman British telah berkembang pelaksanaannya di Borneo Utara, namun sistem adat Murut kekal memainkan peranan penting dalam pemutusan kes-kes perbicaraan melibatkan komuniti Murut berdasarkan bidang kuasa M.A.N. Justeru, komuniti Murut bukan sahaja tertakluk kepada sistem perundangan dan kehakiman British, namun dalam masa yang sama menunjukkan bahawa komuniti Murut kekal mengamalkan dan mematuhi undang-undang adat Murut. Demikian juga jelas dilihat berkaitan peranan signifikan oleh para pegawai Syarikat dan pemimpin Murut dalam memodenkan tadbir urus perbicaraan serta penghakiman di M.A.N. Walaupun sistem adat Murut telah mengalami transformasi dalam institusi kehakiman Murut, namun timbul juga persoalan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan undang-undang adat Murut di M.A.N. ketika pemerintahan Syarikat. Selanjutnya, aspek seperti perbandingan pelaksanaan sistem kehakiman peribumi iaitu misalnya

melibatkan komuniti Murut dengan komuniti Dusun adalah antara persoalan yang mungkin dapat diteliti dalam kajian yang mendatang.

Penghargaan

Penulis memberikan penghargaan kepada pihak Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana membantu dan memberi galakan dalam penulisan ini.

Biodata

* Eddie A. Julius (edyaj1508@gmail.com) (corresponding author) merupakan calon PhD di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

**Datuk Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken (dannyw@um.edu.my) ialah Profesor Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya merangkap Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 20 May 2024

Reviewed: 15 October 2024

Accepted: 17 November 2024

Nota

¹ <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=adat> (tarikh diakses 11 Mac 2024).

² Sebuah artikel yang membincangkan tentang asal usul penggunaan nama negeri Sabah telah dikemukakan oleh Danny Wong Tze Ken, "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation", *Archipel*, 89, 2015, Paris, halaman 161-178.

³ Beberapa himpunan artikel yang menyentuh aspek komuniti dan masyarakat di Borneo Utara dapat dilihat dalam Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah: Community and Society*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2004.

⁴ Untuk pemahaman lanjut berkaitan sejarah dan masyarakat peribumi di Borneo Utara ketika pemerintahan pihak Syarikat, lihat Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Native Tribes*. Kota Kinabalu: Opus Publications, 2008. First published 1922 by Constable & Company Limited. London.

⁵ "Law in North Borneo", *The British North Borneo Herald (BNBH)*, 1 September 1883, hlm. 25.

⁶ Peter R. Phelan, *The Traditional Legal System of Sabah*, Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah, 2003, hlm. 4-5.

⁷ Law in North Borneo, *BNBH*, 1 Mac 1884, hlm. 2.

⁸ D.S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society*, Kota Kinabalu: Pencetak Kerajaan Negeri Sabah, 2000, hlm. 34.

⁹ G.C. Woolley, *Murut Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Nabai Tribe of Keningau and the Timogun Tribe of Tenom*, Sandakan: Government Printing Office, 1939, dalam bahagian Prefatory, hlm. i.

¹⁰ Berkaitan adat Dusun yang diterbitkan ketika pemerintahan British di Borneo Utara, sila lihat Pangeran Osman bin O.K.K. Pangeran Haji Omar, with a Translation by G.C. Woolley, Introduction by Danny Wong Tze Ken, *Dusun Custom in Putatan District*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2006 dan G.C. Woolley With an Introduction by Danny Wong Tze Ken, *Tuaran Adat, Some Customs of the Dusuns of Tuaran West Coast Residency, North Borneo*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2006.

¹¹ Dokumen rasmi yang menerangkan perincian bagi sistem adat peribumi ini berjudul *Rules for Native Court in the Interior*. Undang-undang adat Murut yang direkodkan dokumen rasmi kerajaan ini meliputi adat suku Tagal, Timogun, Kolor, Peluan, Semambu dan Nabai. Sila rujuk Rules for Native Court in the Interior, C.O. 966/1, Mikrofilem MF 5193, Perpustakaan Utama, Universiti Malaya (UM).

- ¹² Frederick William Fraser telah dilantik sebagai Kadet pada bulan Julai 1896 dan menjadi Pegawai Daerah Beaufort, Pegawai Daerah Keningau dan Tambunan pada tahun 1899. Ketika itu Fraser telah terlibat dalam menangani kebangkitan Mat Salleh. Pada tahun 1902, beliau menjadi Pegawai Daerah Wilayah Clarke dan menjadi Residen Pedalaman pada tahun 1904. Kemudiannya Fraser telah menjawat Setiausaha Kerajaan Negeri dari tahun 1913-1927 serta memangku jawatan Gabenor dalam beberapa lantikan di antara tahun 1912 sehingga 1926, namun tidak pernah dilantik sebagai Gabenor. Beliau telah bersara pada tahun 1927. Dipetik daripada Danny Wong Tze Ken (editor), *The Diaries of George C. Woolley Volume 3: 1913-1919*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2018, hlm. 370.
- ¹³ Salinan Surat Residen Pedalaman, F.W. Fraser kepada Gabenor, No. 177/06, Tenom, 22 Oktober 1906, Despatches, Governor to Chairman, 1907, hlm. 273.
- ¹⁴ Ibid., hlm. 277-281.
- ¹⁵ Danny Wong Tze Ken, "Woolley and the Codification of Native Customs in Sabah", *New Zealand Journal of Asian Studies*, 11, 1, June 2009, hlm. 89.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Ibid., hlm. 91.
- ¹⁸ Ibid., hlm. 92.
- ¹⁹ Surat Setiausaha Kerajaan kepada Para Residen, G.S.O. 1518/18, Jesselton, 9 Julai 1918, Principal Native Customs Law (Non-Mohamedan), Rules for Native Court in the Interior, MF 5193, hlm 27.
- ²⁰ Ibid., hlm. 27-28.
- ²¹ Ibid., hlm. 28.
- ²² Surat H.W.L. Bunbury, Residen Pedalaman kepada Setiausaha Kerajaan, No. 1518/18, 22 Oktober 1918, Rules for Native Court in the Interior, MF 5193, hlm. 32.
- ²³ Surat Setiausaha Kerajaan kepada Para Residen, G.S.O. No. 1518/18, 9 Julai 1918, Rules for Native Court in the Interior, MF 5193, hlm. 29.
- ²⁴ Danny Wong Tze Ken, "Woolley and the Codification of Native Customs in Sabah", hlm. 92.
- ²⁵ Owen Rutter, *The Pagans of North Borneo*, With an Introduction by C.G. Seligman, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2007, hlm. 135-136. First published 1929 by Hutchinson & Co. (Publishers) Ltd., London.
- ²⁶ George Cathcart Woolley memulakan kariernya dengan pihak Syarikat sebagai Kadet di Pejabat Tanah pada tahun 1901 dan bersara daripada perkhidmatan awam pada bulan Ogos 1932. Sepanjang perkhidmatannya, Woolley telah menjawat pelbagai tugas meliputi Pegawai Daerah, Majistret, Pesuruhjaya Tanah, Residen dan Hakim, Setiausaha dan Pegawai bagi Hal Ehwal Cina, Pegawai Banci dan Pengarang kepada *The British North Borneo Herald*. Dipetik daripada Danny Wong Tze Ken dan Stella Moo-Tan (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 1: 1901-1907*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2015, hlm. 5. Woolley juga telah banyak mengambil gambar berkaitan masyarakat dan aspek kebudayaan peribumi di Borneo Utara termasuklah antaranya seperti busana dan senjata peribumi. Dalam Danny Wong Tze Ken (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 3: 1913-1919*, hlm. 4.
- ²⁷ Manakala terdapat lagi sebanyak empat buah buku adat peribumi di Borneo Utara iaitu *Tuaran Adat: Some Customs of the Dusun, North Borneo*, *Dusun Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Dusun Tribes in the Coastal Plains of Putatan and Papar*, *Dusun Adat: Some Customs of the Dusuns of Tambunan and Ranau, West Coast Residency, North Borneo* dan *Kwijau Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Kwijau Tribe of the Interior*. Dipetik daripada Danny Wong Tze Ken, "Woolley and the Codification of Native Customs in Sabah", hlm. 94.
- ²⁸ G.C. Woolley, With an Introduction by Danny Wong Tze Ken, *The Timogun Muruts of Sabah*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2004, hlm. v.
- ²⁹ Ibid., hlm. 10.
- ³⁰ G.C. Woolley, *Native Affairs Bulletin No. 3, Murut Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Nabai Tribe of Keningau and the Timogun Tribe of Tenom*, Sandakan: Government Printing Office, 1939, hlm. 1.
- ³¹ Berkaitan dengan hubungan kekerabatan sosial melalui adat pemberian harta perkahwinan dalam suku Timogun, lihat Kielo Brewis dan Sherwood G. Lingenfelter, "Prestations and Affinity in a Bilateral Society: The Timogun Murut of Sabah, Malaysia", *Ethnology*, Vol. 32, No. 3 (Summer, 1993), hlm. 269-290.
- ³² D.S. Ranjit Singh, "The Development of Native Administration in Sabah 1877-1946", dalam Anwar Sullivan and Cecilia Leong, *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Kota Kinabalu: The Sabah State Government Centenary Publications Committee, 1981, hlm. 89.
- ³³ Perbincangan tentang perkembangan jawatan K.A.N. di Borneo Utara dapat dilihat dalam Mosli Tarsat, "Kerelevanan dan Prospek Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah", *Sosiohumanika*, 2(2), 2009, hlm. 227-252.
- ³⁴ Peter R. Phelan, *The Traditional Legal System of Sabah*, hlm. 31-32.

³⁵ Ian Black, *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company's Rule in Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 192.

³⁶ Peter R. Phelan, *The Traditional Legal System of Sabah*, hlm. 66.

³⁷ Melalui Laporan Tahunan 1930 bagi Residen Pedalaman dinyatakan bahawa sebanyak 684 kes telah dikendalikan di M.A.N. di Residen Pedalaman. Angka kes ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan kes yang diselesaikan di Mahkamah Majistret pada tahun yang sama iaitu sebanyak 301 melibatkan kes jenayah dan 108 bagi kes sivil yang apabila dirangkumkan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 409 kes. Dipetik daripada C.R. Smith, Pemangku Residen Pedalaman, State of North Borneo, Annual Report on the Interior Residency for the Year 1930, C.O. 648/15, hlm. 89.

³⁸ Melalui Ordinan 2/37 dalam S. 28 menyatakan bahawa Residen atau Pegawai Daerah hanya bertindak sebagai Penasihat di M.A.N. Diambil daripada A Report on the Possibility of Establishing Native Authorities in North Borneo by D. Headly, 1949, North Borneo Secretariat File (NBSF), No. 594, hlm. 87.

³⁹ C.F.C. Macaskie, "The Law and Legislation of the State of North Borneo", *Journal of Comparative Legislation and International*, Third Series, Vol.3, No. 3, 1921, hlm. 204.

⁴⁰ Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Native Tribes*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2008. First published 1922 by Constable & Company Limited, London, hlm. 164.

⁴¹ D.S. Ranjit Singh, "The Development of Native Administration in Sabah 1877-1946", hlm. 100.

⁴² C.F.C. Macaskie, "The Law and Legislation of the State of North Borneo", hlm. 205.

⁴³ *Ibid.*, hlm. 204.

⁴⁴ Azlizan Mat Enh dan Salbiya Jamaluddin, "Pentadbiran British di Sabah: Kesejahteraan Anak Negeri melalui penubuhan Mahkamah Anak Negeri 1884-1965", *GEOGRAFIA Online, Malaysian Journal of Society and Space*, 16, Issue 1, 2020, hlm. 156.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 159. Pada tahun 1960 misalnya terdapat sebanyak 35 buah M.A.N. yang beroperasi di Borneo Utara. MAN berfungsi mengikut kepada peruntukan Ordinan Mahkamah Anak Negeri (Cap. 86) dan mempunyai bidang kuasa dalam perkara-perkara berikut: (a) dalam kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat orang asal di mana semua pihak adalah orang asal; (b) dalam kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat, keagamaan, perkahwinan atau seksual, jika kebenaran telah diperoleh daripada Pegawai Daerah untuk mengadili percabangan tersebut yang mana terdapat satu pihak adalah orang asal; (c) dalam kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang dan adat Islam di mana semua pihak adalah beragama Islam; dan (d) dalam kes-kes lain di mana bidang kuasa diperuntukkan secara jelas oleh undang-undang lain. Dipetik daripada *Colony of North Borneo Annual Report, 1960*, Jesselton: Government Printing Department, 1961, hlm. 113-114.

⁴⁶ Bagi masyarakat Dusun terutamanya di kawasan Tempasuk, Borneo Utara, ia dikenali sebagai *sogit (sagit)* yang berasal daripada perkataan *osogit* (sejuk), dan dapat dimaksudkan sebagai 'cooling compensation' (pampasan penyejukan) terhadap pihak yang terkilang dengan sebarang perlakuan tidak baik atau jahat oleh pihak lain yang ditanggapi bersifat 'panas', manakala perlakuan yang baik pula adalah disifatkan 'sejuk'. Dipetik daripada I.H.N. Evans, *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*, With an Introduction by Dr. Danny Wong Tze Ken, Kota Kinabalu: Opus Publication, 2007. First Published 1953 by The Syndics of The Cambridge University Press, London, hlm. 69.

⁴⁷ G.C. Woolley, With an Introduction by Danny Wong Tze Ken, *The Timogun Muruts of Sabah*, hlm. 15-16. *Sagit* sebenarnya merupakan denda atau pampasan dalam bentuk wang tunai atau barangan berharga atau kedua-duanya sekali. Manakala *basah* ialah denda mahupun pampasan yang terdiri daripada haiwan ternakan seperti ayam, khinzir, lembu atau kerbau bagi digunakan sebagai korban dalam ritual penyembelihan haiwan ternakan tersebut sebagai simbolik kepada ganti darah bagi sebarang kes kesalahan oleh peribumi yang telah mengakibatkan kecederaan atau kematian.

⁴⁸ "Extracts from the Diary of Mr. D.D. Daly", The Assistant Resident of Dent Province, *BNBH*, 1 Disember 1885, hlm. 3.

⁴⁹ "Diary of Mr. D.D. Daly's Trip Up the Kinabatangan River", *BNBH*, 1 Disember 1886, hlm. 279.

⁵⁰ *Ibid.*, hlm. 280.

⁵¹ Upacara melafaz sumpah perdamaian atau persaudaraan dalam suku-suku Murut kadangkala akan didirikan monumen kayu atau batu sebagai tanda simbolik upacara tersebut. Sebagai contohnya terdapat monumen kayu bagi menandakan ikatan sumpah perdamaian antara suku Boka dan Peluan di Kg. Penontomon, Nabawan. Dipetik daripada Peter R. Phelan, *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*, Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo -Yayasan Sabah, 1997, hlm. 28-29. Terdapat juga monumen batu sumpah yang berkait rapat dengan institusi M.A.N. Murut seperti di Sepulut yang dinamakan *Aru Kelasan* serta batu sumpah di M.A.N. Pensiangan. Sumber juga daripada Peter R. Phelan, *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*, hlm. 38-42.

⁵² K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, Singapore: University of Malaya Press, 1958, hlm. 116.

- ⁵³ W.C.M. Weedon, Pegawai Daerah Tomani dan Rundum, Annual Report on Tomani and Rundum Districts, 1908, C.O. 648/1, hlm. 84.
- ⁵⁴ “Diary of Mr. D.D. Daly’s Trip Up the Kinabatangan River”, *BNBH*, 1 Disember 1886, hlm. 279.
- ⁵⁵ Tentang Raja Sempurna Numpal ada dinyatakan iaitu, “*the Rajah is very superior man, and far and away above anyone else in the river He is one of the best looking natives I have had the pleasure of meeting, and what is of more consequence, can be trusted. His family consists of two wives and four children – 3 girls and one boy. I need not add that the girls are all remarkably pretty – well-mannered and clean.*” Dipetik dalam “Among the Tungaras of the Quarmote”, *BNBH*, 1 Januari 1890, hlm. 11.
- ⁵⁶ *Ibid.*
- ⁵⁷ “Trip from Kimanis to Bangawan via Nabai and Peluan”, *BNBH*, 1 Disember 1886, hlm. 295.
- ⁵⁸ J.E.G. Wheatley, “Diary for Jun and July, 1893 (Interior)”, *BNBH*, 1 Oktober 1893, hlm. 286.
- ⁵⁹ *Ibid.*
- ⁶⁰ J.E.G. Wheatley, Magistrate Interior, “Diary for May and part of June 1893”, *BNBH*, 1 Ogos 1893, hlm. 230.
- ⁶¹ *Ibid.*
- ⁶² G.C. Woolley, Pegawai Daerah, Province Clarke, August, *BNBH*, 15 Oktober 1909, hlm. 234.
- ⁶³ Danny Wong Tze Ken dan Stella Moo-Tan (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 2: 1907-1913*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2016, hlm. 102-103. Woolley bukan sahaja banyak terlibat dengan penyelesaian kes perbicaraan peribumi malahan beliau mulai mendalami aspek adat peribumi sejak tahun 1907 lagi. Ini dapat dilihat melalui peranan Woolley yang telah melakukan perbincangan berkaitan adat Murut dengan Bangan yang merupakan ketua peribumi di Mengalong, Sipitang pada tarikh 18 November 1907. Dalam Danny Wong Tze Ken dan Stella Moo-Tan (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 2: 1907-1913*, hlm. 42.
- ⁶⁴ Stella Moo-Tan (editor), *The Diaries of George C. Woolley Volume 4: 1919-1926*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2018, hlm. 285.
- ⁶⁵ Annual Report on the Interior Residency, 1917 - Rundum District, State of North Borneo Annual Report for 1917, hlm. 37.
- ⁶⁶ Saman No. 82, Ansuget lawan Sumbiling, No. Kes 93, 25 Jun 1923, NBSF, Appeals from Native Court, No. 349, hlm. 177.
- ⁶⁷ E.G. Grant, Pegawai Daerah Keningau, Petition of Appeal, 18 Julai 1923, NBSF, No. 349, hlm. 180-184.
- ⁶⁸ Surat Residen Pedalaman, G.C. Woolley kepada Setiausaha Kerajaan, 4 Ogos 1923, NBSF, No. 349, hlm. 178.
- ⁶⁹ Surat Pekeliling oleh Setiausaha Kerajaan, A.N.M. Garry kepada Residen-Residen dan Ketua Jabatan, Pekeliling No. 370 (No.7 of 1937), 16 April 1937, NBSF, Appeals from Native Court, No. 58, hlm. 5.
- ⁷⁰ C.R. Smith, G.S.O., No. 1518-18, Rules for Native Courts in the Interior, MF 5193, hlm. 49.
- ⁷¹ *Ibid.*
- ⁷² Salinan Surat Pegawai Daerah Keningau, E.G. Grant kepada Residen Pedalaman, 15 Ogos 1922, Record of Native Court Cases, NBSF, No. 1258, hlm. 5.
- ⁷³ Surat Residen Pedalaman, G.C. Woolley kepada Setiausaha Kerajaan, 7 Oktober 1922, Record of Native Court Cases, NBSF, No. 1258, hlm. 4.
- ⁷⁴ G.C. Woolley, Residen Pedalaman, State of North Borneo, Annual Report on the Interior Residency for 1922, hlm. 187.

Rujukan

A Report on the Possibility of Establishing Native Authorities in North Borneo by D. Headly, 1949, North Borneo Secretariat File (NBSF), No. 594.

Appeals from Native Court, NBSF, No. 349.

Appeals from Native Court, NBSF, No. 58.

Azlizan Mat Enh dan Salbiya Jamaluddin, “Pentadbiran British di Sabah: Kesejahteraan Anak Negeri melalui penubuhan Mahkamah Anak Negeri 1884-1965”, *GEOGRAFIA Online, Malaysian Journal of Society and Space*, 16, Issue 1, 2020.

Black, Ian, *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company’s Rule in Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983.

Brewis, Kielo dan Lingenfelter, Sherwood G., "Prestations and Affinity in a Bilateral Society: The Timugon Murut of Sabah, Malaysia", *Ethnology*, Vol. 32, No. 3 (Summer, 1993), hlm. 269-290.

Colonial Reports, North Borneo, 1955, London: Her Majesty's Stationery Office, 1956.

Colony of North Borneo Annual Report, 1960, Jesselton: Government Printing Department, 1961.

Correspondence Regarding and Proofs of Orders in Council Concerning Jurisdiction in North Borneo 1882, C.O. 874/212.

Despatches, Governor to Chairman, 1907.

Evans, I.H.N., *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*, With an Introduction by Dr. Danny Wong Tze Ken, Kota Kinabalu: Opus Publication, 2007. First Published 1953 by The Syndics of The Cambridge University Press, London.

Handbook of British North Borneo, 1890, London: William Clowes & Sons, Limited.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=adat> (tarikh diakses 11 Mac 2024).

Kahin, George McT., "The State of North Borneo 1881-1946", *The Far Eastern Quarterly*, Vol. 7(1), November 1947.

Lovegrove, Leonard, "British North Borneo", *Journal of the Royal Asiatic Society of Arts*, Vol. LX, No. 3, 099, 12 April 1912.

Macaskie, C.F.C., "The Law and Legislation of the State of North Borneo", *Journal of Comparative Legislation and International*, Third Series, Vol. 3, No. 3, 1921.

Moo-Tan, Stella (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 4: 1919-1926*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2018.

Mosli Tarsat, "Kerelevanan dan Prospek Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah", *Sosiohumanika*, 2(2), 2009.

Pangeran Osman bin O.K.K. Pangeran Haji Omar, with a Translation by G.C. Woolley, Introduction by Danny Wong Tze Ken, *Dusun Custom in Putatan District*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2006.

Phelan, Peter R., *The Traditional Legal System of Sabah*, Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah, 2003.

Phelan, Peter R., *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*, Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo -Yayasan Sabah, 1997.

Ranjit Singh, D.S., *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society*, Kota Kinabalu: Pencetak Kerajaan Negeri Sabah, 2000.

Record of Native Court Cases, NBSF, No. 1258.

Rules for Native Court in the Interior, C.O. 966/1, Mikrofilem MF 5193, Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

Rutter, Owen, *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Native Tribes*. Kota Kinabalu: Opus Publications, 2008. First published 1922 by Constable & Company Limited. London.

Rutter, Owen, *The Pagans of North Borneo*, With an Introduction by C.G. Seligman, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2007, hlm. 135-136. First published 1929 by Hutchinson & Co. (Publishers) Ltd., London.

State of North Borneo Annual Report for 1917.

State of North Borneo Annual Report for 1922.

State of North Borneo, Annual Report on the Interior Residency for the Year 1930, C.O. 648/15.

Sullivan, Anwar and Leong, Cecilia (eds.) *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Kota Kinabalu: The Sabah State Government Centenary Publications Committee, 1981.
The British North Borneo Company 1882, Memoranda and Despatches, Miscellaneous Files.

The British North Borneo Herald (BNBH).

Tregonning, K.G., *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, Singapore: University of Malaya Press, 1958.

Wong Tze Ken, Danny *Historical Sabah: Community and Society*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2004.

Wong Tze Ken, Danny (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 3: 1913-1919*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2018.

Wong Tze Ken, Danny dan Moo-Tan, Stella (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 1: 1901-1907*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2015.

Wong Tze Ken, Danny dan Moo-Tan, Stella (ed.), *The Diaries of George C. Woolley Volume 2: 1907-1913*, Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah, 2016.

Wong Tze Ken, Danny, "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation", *Archipel*, 89, Paris, 2015.

Wong Tze Ken, Danny, "Woolley and the Codification of Native Customs in Sabah", *New Zealand Journal of Asian Studies*, 11, 1, June 2009.

Woolley G.C., *Murut Adat: Customs Regulating Inheritance amongst the Nabai Tribe of Keningau and the Timogun Tribe of Tenom*, Sandakan: Government Printing Office, 1939.

Woolley, G.C., With an Introduction by Danny Wong Tze Ken, *The Timogun Muruts of Sabah*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2004.

Woolley, G.C., With an Introduction by Danny Wong Tze Ken, *Tuaran Adat, Some Customs of the Dusuns of Tuaran West Coast Residency, North Borneo*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2006.